



KE MUKA PENGADILAN: Tertuduh (dua kiri) diiringi anggota polis setelah didakwa di Mahkamah Majistret Sibu, semalam atas pertuduhan membunuh.

Pemandu lori didakwa bunuh seorang lelaki, 3 Julai sebutan lanjut kes

SIBU: Seorang pemandu lori dihadapkan di Mahkamah Majistret di sini, semalam atas tuduhan membunuh seorang lelaki pada 7 Mei lepas.

Bagaimanapun tiada pengakuan diambil daripada tertuduh yang berumur 47 tahun itu setelah pertuduhan dibacakan kepadanya dalam bahasa Foochow oleh jurubahasa mahkamah.

Majistret Oon Kork Chern kemudian menetapkan 3 Julai depan bagi sebutan lanjut kes, sementara tertuduh diperintah ditahan reman lanjut di Penjara Pusat Sibu.

Mengikut pertuduhan awal yang dibacakan, tertuduh didakwa membunuh seorang lelaki berumur 52 tahun di pekarangan gudang sebuah syarikat di Jalan Ding Lik Kong 12 pada 7 Mei lalu, kira-kira jam 8.10 pagi.

Bagi pertuduhan ini, tertuduh didakwa melakukan kesalahan di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksan yang sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman mati atau penjara tidak kurang 30 tahun dan tidak lebih 40 tahun.

Pemandu lori didakwa bunuh seorang lelaki, 3 Julai sebutan lanjut kes

► Dari Muka 1

Sekiranya hukuman mati tidak dikenakan, pesalah hendaklah dikenakan hukuman sebatan tidak kurang 12 kali.

Ketua Polis Daerah Sibul ACP Azari Miskon dalam satu kenyataan sebelum ini berkata, pihak polis telah menerima satu laporan polis berhubung satu kejadian pergaduhan yang menyebabkan kecederaan parah terhadap seorang lelaki.

Laporan polis katanya, telah dibuat oleh keluarga mangsa dan siasatan awal mendapati suspek telah memukul mangsa menggunakan sebatang kayu pada bahagian kepala sehingga menyebabkan mangsa men-

alami kecederaan parah.

“Mangsa kemudiannya mendapatkan rawatan di Hospital Sibul dan berada dalam keadaan kritikal serta koma,” ujarnya.

Susulan laporan yang diterima, Jabatan Siasatan Jenayah IPD Sibul telah menjalankan siasatan lanjut dan berjaya menahan suspek, lelaki tempatan berusia 40-an, bagi membantu siasatan.

Suspek kemudian direman enam hari oleh Mahkamah Sibul pada 8 Mei di mana pada peringkat awal, kes disiasat di bawah Seksyen 326 Kanun Keseksaan kerana dengan sengaja mendatangkan kecederaan parah menggunakan senjata atau benda berbahaya yang memperuntukkan hukuman

penjara sehingga 20 tahun serta boleh dikenakan denda atau sebatan, jika disabitkan kesalahan.

“Pada 8 Mei 2026, jam 2 petang, mangsa telah disahkan meninggal dunia di Hospital Sibul akibat kecederaan yang dialaminya.

“Sehubungan itu, pihak polis telah mengklasifikasikan semula kes daripada Seksyen 326 Kanun Keseksaan kepada Seksyen 302 Kanun Keseksaan kerana membunuh yang memperuntukkan hukuman mati atau penjara tidak kurang daripada 30 tahun dan tidak melebihi 40 tahun serta, jika tidak dihukum mati, hendaklah dikenakan sebatan tidak kurang daripada 12 kali, jika disabitkan kesalahan,” jelasnya.